

10 SEP 1998

Koh-Perdagangan

K'JAAN PULAU PINANG SOKONG PERNIAGAAN TUKAR BARANG

PULAU PINANG, 10 Sept (Bernama) -- Kerajaan Pulau Pinang meminta pihak polis, Jabatan Imigresen dan Kementerian Dalam Negeri supaya menimbangkan cadangannya serta beberapa pihak lain untuk menghidupkan semula perniagaan pertukaran barang dengan barang antara Pulau Pinang dan Myanmar.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini berkata, keadaan keselamatan di sekitar Pulau Jerejak adalah terjamin untuk kegiatan itu dan meminta pihak terbabit menimbangkan semula keputusan mengenai perkara itu.

Perniagaan pertukaran barang dengan barang itu harus dihidupkan semula kerana ia boleh merangsang ekonomi negara, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Rangkaian Perniagaan Amerika Syarikat-Pulau Pinang di sini.

Beliau turut menyambut baik memorandum rayuan yang dihantar oleh Dewan Perniagaan Cina Pulau Pinang (DPCPP) kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar perniagaan pertukaran barang itu dihidupkan semula.

Katanya, beliau sendiri akan membawa perkara itu sekali lagi pada mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara akan datang.

Sebelum ini beliau telah beberapa kali mengemukakan perkara itu kepada Perdana Menteri sejak 1994 dan walaupun pihak berkuasa pada awalnya bersedia menerima cadangan itu, Kementerian Dalam Negeri telah menolaknya atas faktor keselamatan.

Koh menjelaskan bahawa pada satu ketika pendatang asing tanpa izin dari Myanmar membanjiri negara ini dan agak sukar untuk dikawal kerana Kedutaan Myanmar tidak mahu menerima atau mengakui rakyatnya yang tidak mempunyai dokumen yang lengkap.

Bagaimanapun, berikutan keadaan ekonomi kini, beliau berharap perniagaan pertukaran barang itu dapat dihidupkan semula bagi membantu para pedagang itu.

Semalam, Presiden DPCPP, Tan Sri Tan Kok Ping berkata Dewan itu telahpun menghantar rayuan kepada Perdana Menteri mengenai perkara itu dan menjelaskan dilema yang dihadapi para pedagang terbabit yang kegiatan mereka dihentikan kira-kira empat tahun lepas.

Katanya, pemberhentian operasi perniagaan pertukaran barang antara Pulau Pinang dan Myanmar itu telah menguntungkan Singapura dan para pedagang menganggarkan kerugian bernilai RM600 juta setahun.

Pedagang Myanmar membawa masuk getah, kacang serta produk laut dan membawa pulang barang-barang elektrik, diesel, biskut, minyak masak dan barang-barang pengguna yang lain dari Malaysia.

Perniagaan pertukaran barang antara Pulau Pinang dan Myanmar bermula sejak tahun 1950-an.

Sementara itu, Koh, yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Negeri berkata, BN akan mengadakan mesyuaratnya pada Ahad ini di Kelab Golf Bukit Jambul untuk membincangkan mengenai perlucutan jawatan bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

-- BERNAMA

ZU KHY